

KESAN PENGUNDURAN DATUK ASRI DARI PAS

RENCANA PENGARANG

PERLETAKAN jawatan Datuk Haji Mohamad Asri bin Haji Muda dari pucuk pimpinan PAS bersama tiga lagi pemimpin kannannya kelmarin adalah kemuncak dari krisis kepimpinan parti itu yang telah berlarut sejak tahun 1977 lagi. Peristiwa itu amat menarik bukan saja kerana pengunduran Datuk Asri sendiri dari parti yang telah dipimpinnya sejak tahun 1964 itu tetapi juga ia merupakan persimpangan jalan yang akan menentukan haluan yang akan dituju oleh parti tersebut selepas ini.

Sebelum ini pemimpin-pemimpin PAS, termasuk Datuk Asri, sentiasa menafikan wujudnya perpecahan di dalam parti itu. Tetapi ia bukanlah suatu rahsia lagi. Ia dianggap sebagai perpecahan antara golongan tua dan muda. Kini ia diakui sendiri oleh Datuk Asri. Beliau juga mendedahkan beberapa rahsia yang menarik lagi, termasuk apa yang disebutnya sebagai penjelajahan ke seluruh negara oleh golongan yang menentangnya yang "bertopengkan kepimpinan ulama." Ini dapat menje-

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

laskan kecenderungan pendirian "golongan muda" yang berjaya menyingkirkan kepimpinan "golongan tua" itu, iaitu ke arah fundamentalisme Islam.

Di sinilah mereka berbeza dengan pendirian "golongan tua" pimpinan Datuk Asri yang lebih liberal dalam mencernakan politik PAS dan Islam berasaskan realiti hidup negara ini. Ketika golongan Datuk Asri, kerana lebih berpengalaman dalam politik, lebih terbuka kepada segala yang baik, termasuk dari Kerajaan, golongan yang menentangnya menutup mata dari kenyataan. Datuk Asri sendiri membayangkan hakikat ini dalam ucapannya merasmikan Muktamar ke-28 PAS sebelum meletakkan jawatan kelmarin. Mengenai isu penubuhan Bank Islam dan Universiti Islam Antarabangsa, beliau menggesa anggota-anggota PAS supaya jangan bersikap negatif terhadap sesuatu yang baik yang datangnya dari Kerajaan.

Bagi beliau, "Kita tidak boleh bersikap negatif dengan memandang sepi terhadap

apa saja yang dilakukan oleh orang lain, seolah-olah yang baik semuanya dari kita dan dari orang lain semuanya buruk dan tidak betul." Ini jauh berbeza dari sikap golongan yang menentangnya.

Selain itu Datuk Asri juga menggesa Kerajaan menyalut secara teliti punca perpecahan di kalangan masyarakat Islam serta mencari jalan menyelesaikannya. Walaupun tidak menyebutnya, isu yang dimaksudkan olehnya itu ialah perpecahan akibat peristiwa sembahyang dua imam atau di masjid yang berlainan yang begitu menjadi-jadi baru-baru ini terutamanya di Terengganu. Dalam hal inilah pertentangan paling ketara timbul antara beliau dan golongan yang menentangnya bila pemimpin-pemimpin PAS Terengganu secara tidak langsung membelakangkan arahan PAS pusat.

Sikap liberal Datuk Asri itulah yang telah membawa PAS ke dalam Barisan Nasional menjelang pilihanraya 1974, dan jika pengaruh beliau masih seperti masa itu su-

dah pasti pelawaan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjelang pilihanraya yang lalu juga akan disambut oleh parti itu. Tetapi dengan "bertopengkan kepimpinan ulama" seperti yang disebut oleh Datuk Asri golongan yang menentangnya berjaya mempengaruhi ahli-ahli PAS supaya menolak tawaran tersebut, dan dengan itu menolak perpaduan ummah.

Kini "golongan muda" PAS telah berjaya mengenyepikan Datuk Asri. Dengan itu mereka sudah bebas mengarahkan PAS mengikut kehendak mereka. Tetapi tidaklah bererti krisis kepimpinannya telah selesai. Pada lahirnya barisan pemimpin golongan muda yang akan menerajukan PAS selepas ini sudah wujud. Namun tidak mustahil antara mereka juga akan berlaku perebutan. Secara yang lebih luas, perpecahan dalam masyarakat Islam juga mungkin akan membesar. Nescaya ini menguntungkan bagi politik peribadi golongan muda, tetapi merugikan masyarakat Islam di negara ini.